



## SIARAN MEDIA

### OPERASI BERSEPADU LESEN KRITIKAL “2 HOTEL BAJET HARAM OPERASI TANPA LESEN DISITA”

Majlis Perbandaran Selayang pada 14 Jun 2023 telah mengenakan tindakan ke atas 2 hotel bajet di Desa Aman Puri, Kepong kerana beroperasi tanpa lesen yang sah. Pada operasi bersepadu tersebut, MPS telah mengambil tindakan tegas dengan menyita barang berupa tilam, bantal serta perabot selain menutup operasi hotel tersebut. Kedua-dua hotel bajet yang disyaki baru beroperasi itu didapati turut melakukan perubahan struktur dalam bangunan tanpa kebenaran. Sebanyak 4 kompaun telah dikeluarkan atas kesalahan berkaitan lesen perniagaan, ubahsuai bangunan dan kacau ganggu di bawah akta, enakmen dan undang-undang kecil, yang berkaitan terhadap pemilik.

Pada operasi ini juga, MPS turut mengenakan tindakan menarik sementara lesen dan pemotongan cagaran ke atas sebuah pusat refleksologi di Prima Gombak dan juga sebuah pusat hiburan di Desa Aman Puri, Kepong atas kesalahan melanggar syarat lesen perniagaan. Pemeriksaan lesen kritikal ke atas semua premis perniagaan di kawasan terlibat turut dilaksanakan dimana amaran lisan dikeluarkan kepada beberapa pemilik perniagaan kerana menyebabkan kacau ganggu di kaki lima hadapan premis mereka. Keseluruhan pada operasi ini MPS telah mengeluarkan 9 kompaun, 4 notis, dan 3 tindakan sita.

Untuk makluman, sehingga Jun 2023, MPS telah mengadakan 6 operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi kerajaan selain operasi berkala pada setiap minggu untuk memastikan semua undang-undang dan peraturan di Perbandaran Selayang adalah dipatuhi.

Operasi yang tamat pada jam 12 tengah malam ini diketuai oleh En. Ahmad Faisal Bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan dan dibantu seramai 28 anggota penguatkuasa serta 21 pegawai dari jabatan dalaman MPS.

Operasi ini turut mendapat kerjasama 17 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ibu Pejabat Daerah Gombak di mana pihak PDRM turut menahan 3 warga asing di lokasi untuk siasatan lanjut berikutan gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.



MPS akhir sekali ingin mengingatkan kepada semua pemilik perniagaan dan masyarakat supaya sentiasa mematuhi dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk mengelakkan tindakan tegas diambil terhadap mereka.

**#TAMAT#**

**Dikeluarkan Oleh:**

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
**Majlis Perbandaran Selayang**

**16 Jun 2023**